

09 APR 2000

Mahathir-Hovercraft

DR MAHATHIR TINJAU BOT AMFIBIA BUATAN BRITISH

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meninjau kemampuan sebuah hovercraft buatan Griffon Hovercraft Limited dari Britain di tasik The Mines Resort di sini hari ini.

Perdana Menteri meluangkan masa 30 minit menaiki bot berkenaan di tasik itu sambil diberi taklimat oleh Ian Anderson, pengarah Dawn Aqua Sdn Bhd, syarikat kepentingan majoriti bumiputera itu yang ditubuhkan oleh bekas Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia Laksamana Madya (B) Tan Sri Abdul Wahab Naw.

Syarikat itu ditubuhkan khusus untuk membawa teknologi pembuatan hovercraft ke Malaysia.

Hovercraft jenis 2000TDX(M) yang membawa Dr Mahathir itu dikendalikan oleh komando British Royal Marines yang akan menyertai pertunjukan pertahanan DSA2000 di The Mine bermula Selasa ini.

Ketika ditanya oleh pemberita mengenai keupayaan bot itu, Perdana Menteri berkata : "Ia mudah dikendalikan, agak selesa kecuali ketika hendak berpusing. Ia beroperasi seperti yang dinyatakan oleh pengusahanya."

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan membeli bot itu untuk kegunaan pasukan keselamatan, beliau berkata belum ada keputusan dibuat.

"Kita belum tahu, saya tidak berani nak cakap," kata Dr Mahathir.

Dawn Aqua telah diberi kebenaran oleh Griffon Hovercraft Limited untuk membina semua jenis hovercraft buatan Griffon di Malaysia.

Pada pertunjukan DSA2000 nanti, satu daripada empat hovercraft Griffon yang digunakan oleh British Royal Marines, akan dipamerkan.

Bot itu yang mempunyai kelajuan sehingga 40 knot dan mampu membawa 18 orang.

-- BERNAMA

MHI MAI